

# LORADINE SYRUP

Loratadine (1mg/ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

Risalah ini mengandungi informasi berikut:

1. Apakah kegunaan LORADINE SYRUP
2. Bagaimana LORADINE SYRUP berfungsi
3. Sebelum mengambil LORADINE SYRUP
4. Cara menggunakan LORADINE SYRUP
5. Semasa menggunakan LORADINE SYRUP
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan LORADINE SYRUP
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan LORADINE SYRUP

LORADINE SYRUP digunakan untuk melegakan simptom-simptom seperti mata merah, berair, gatal; bersin; gatal hidung atau tekak; dan hidung berair yang disebabkan oleh alahan, demam jerami atau selesema biasa. Ubat ini juga digunakan untuk merawat urtikaria, keadaan kulit yang dicirikan oleh simptom-simptom seperti bengkak, kemerahan dan gatal-gatal.

## Bagaimana LORADINE SYRUP berfungsi

Loratadine tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai antihistamina yang tidak mempunyai kesan mengantuk. Ia berfungsi dengan menyekat tindakan histamina, bahan biologi rembesan badan yang menyebabkan simptom-simptom kegatalan mata atau hidung, bersin, mata berair dan hidung berair.

## Sebelum mengambil LORADINE SYRUP

### Bila tidak boleh mengambil

Anda tidak boleh mengambil LORADINE SYRUP jika anda alah terhadap loratadine

### Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun menghadapi sebarang masalah kesihatan lain seperti kerosakan hati atau buah pinggang.

Tiada kajian dilakukan mengenai keselamatan dan keberkesanan loratadine pada kanak-kanak berusia di bawah 2 tahun.

### Mengandung dan menyusukan anak

Sila bertanya kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini sekiranya anda mengandung ataupun menyusukan bayi.

Perhatian perlu diberikan kepada pemberian loratadine kepada wanita yang menyusukan anak kerana ia boleh meresap ke dalam susu ibu. Oleh kerana terdapat peningkatan risiko penggunaan antihistaminz terhadap bayi, terutamanya bayi yang baru dilahirkan dan bayi pramatang, maka keputusan perlu dilakukan samada untuk menghentikan pemberian susu ibu atau menghentikan pemberian ubat.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ingin menggunakan LORADINE SYRUP bersama dengan ubat yang lain. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang tidak memerlukan preskripsi, seperti:

- Ketoconazole (antikulat)
- Erythromycin (antibiotik)
- Cimetidine (ubat untuk rawatan ulser perut)

## Cara menggunakan LORADINE SYRUP

### Berapa banyak harus diambil

Orang dewasa dan kanak-kanak  $\geq 12$  tahun: 10mL sekali sehari.

Kanak-kanak berumur 2-12 tahun:

Berat badan  $> 30$  kg: 10 mL sekali sehari.

Berat badan  $< 30$  kg: 5 mL sekali sehari.

### Bila perlu diambil

LORADINE SYRUP perlu diambil mengikut masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Ubat ini boleh diambil bersama atau tanpa makanan.

### Berapa lama perlu diambil

LORADINE SYRUP perlu diambil mengikut nasihat doktor anda.

### Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera

## Semasa menggunakan LORADINE SYRUP

### Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor.
- Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

LORADINE SYRUP boleh menyebabkan kesan sampingan yang mungkin menjasarkan pemikiran atau reaksi anda. Berhati-hati jika anda ingin memandu atau mengendalikan jentera yang memerlukan anda berwaspada selepas mengambil LORADINE SYRUP.

## Kesan-sesan sampingan

LORADINE SYRUP mungkin menyebabkan sakit kepala, rasa mengantuk dan gemuruh. Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang lain.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumer→Reporting*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan LORADINE SYRUP

### Cara penyimpanan

Simpan di bawah suhu  $30^{\circ}\text{C}$ , elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan keadaan lembap. Simpan dalam bekas yang ditutup dengan ketat.

### Cara pelupusan

LORADINE SYRUP perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh.

Hubungi doktor anda dengan segera atau

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

#### Rupa dan warna produk

LORADINE SYRUP adalah cecair berwarna jernih ke kuning pudar dengan perisa buah.

#### Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif-

*Loratadine*

Bahan-bahan tidak aktif-

*Citric Acid Anhydrous*

*Propylene Glycol*

*Glycerin*

*Sorbitol*

*Sodium Benzoate*

*Disodium Edetate*

*Sucrose*

*Aspartame*

*β-cyclodextrin*

*Peach essence*

#### Nombor MAL

MAL 20021012AZ

### **Pengilang**

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,  
Kawasan Perindustrian Bandar Baru  
Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia.

### **Tarikh kemaskini RiMUP :**

05 Mei 2015

### **Nombor siri**

BPK(R4/1)300415/00090